



JABATAN KERJA RAYA, SABAH NEGERI SABAH, MALAYSIA

KENYATAAN TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN TERPILIH PERINGKAT PERTAMA

Tender adalah dipelawa daripada petender - petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut

:-

Rujukan Tender	Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan / Kelas, Kepala dan Sub-Kepala	Harga Dokumen
JKR.JUB (S)600- 1/1/921	TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN TERPILIH PERINGKAT PERTAMA BAGI PROJEK MEMBINA JALAN BERINGGIS – MELINGGAN – SUOK, PAPAR, SABAH.	Kontraktor hendaklah memenuhi syarat-syarat WAJIB berikut: <u>OPSYEN 1</u> Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB): Gred: G7 sahaja; Kategori: CE (Kejuruteraan Awam); Terbuka kepada pengkhususan : CE01 (Pembinaan Jalan Dan Pavemen) CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) DAN Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (PKK, KUSKOP); ATAU <u>OPSYEN 2</u> Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB dan Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) yang masih sah: Kelas : A sahaja; Tajuk : I (Kerja-Kerja Kejuruteraan Awam); Tajuk Kecil : 1 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam) Tajuk : IV (Kerja-Kerja Lain Pakar Kejuruteraan Awam); Tajuk Kecil : 3 (a) (Kerja-Kerja Penyalutan Berasfalt) DAN Mempunyai Sijil Pengiktirafan Perniagaan Anak Negeri, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP); DAN Mempunyai Sijil SCORE CIDB sekurang-kurangnya 3 Bintang yang masih sah dan berkuat-kuasa. Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dan PUKONSA dari menyertai tender, adalah TIDAK LAYAK untuk menyertai pra-kelayakan ini. Sebarang surat KEBENARAN KHAS daripada CIDB/PUKONSA untuk permohonan pengecualian daripada Perakuan Pendaftaran yang telah ditetapkan dalam syarat kelayakan TIDAK DIBENARKAN dan akan ditolak. Tempoh pendaftaran (sijil-sijil Opsyen 1/Opsyen 2) masih sah berkuatkuasa melebihi TIGA (3) BULAN dari tarikh tutup pra-kelayakan.	RM50.00 sahaja Pembayaran hendaklah dibuat secara TUNAI sahaja DAN Petender hendaklah mengemukakan Bon / Deposit tender bernilai RM50,000.00. Bon Tender hendaklah dikemukakan dalam bentuk Jaminan Bank / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans / Jaminan Bank Islam / Jaminan Takaful sahaja. Sekiranya petender memilih untuk mengemukakan Deposit Tender, Deposit Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank dalam Ringgit Malaysia daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia di atas nama <u>PENGARAH KERJA RAYA SABAH</u>. Bayaran Deposit Tender secara tunai, cek persendirian atau cek syarikat akan ditolak. Tempoh sah laku Bon / Deposit Tender adalah selama satu (1) tahun dari tarikh tutup iklan Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih Peringkat Pertama.

Ref : JKR.JUB (S)600-1/1/921

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	10 OGOS 2026 sehingga 4 SEPTEMBER 2026		
	:	Isnin - Khamis	- 8.30 Pagi - 12.00 Tengah hari 2.00 Petang - 4.00 Petang
		Jumaat	- 8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 4.00 Petang
Tarikh Tutup Tender	:	4 SEPTEMBER 2026 (Jumaat - Jam 12.00 Tengahari)	
Tempat Memasukkan Tender	:	Peti Tawaran Jabatan Kerja Raya Sabah, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, Bangunan Kementerian Kerja Raya dan Utiliti Sabah (KKRU), 88582 Kota Kinabalu, Sabah.	

1. Dokumen Pra-Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada :

<u>Opsyen 1</u>	ATAU	<u>Opsyen 2</u>
Wakil-wakil yang ditauliahkan sahaja (Pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil SPKK/CIDB)		Pemilik ATAU wakil yang sah sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat (PUKONSA)

2. Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru / Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut: -
- 2.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan
- 2.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.
3. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Pra-Kelayakan boleh diperolehi semasa waktu pejabat, di :-

Kaunter Penjualan Dokumen Tender
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
Bangunan Kementerian Kerja Raya dan Utiliti Sabah (KKRU),
88582 Kota Kinabalu, Sabah.

4. Semua Dokumen Pra-Kelayakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada :-

Setiausaha,
Jawatankuasa Pembukaan Tender Perolehan Kerja
Projek Pembangunan Persekutuan, Jabatan Teknik Negeri Sabah,
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
Bangunan Kementerian Kerja Raya dan Utiliti Sabah (KKRU),
88582 Kota Kinabalu, Sabah

PENGARAH KERJA RAYA